



Alias Ali

**Novel Krisis Karya Alias Ali:
Satu Analisa**

Krisis karya Alias Ali, yang merupakan novel terakhir karya Alias Ali yang diterbitkan pada tahun 1977 ini, merupakan novel yang berlatar pada masa penggalan dan peristiwa politik yang terjadi pada akhir tahun 1970-an. Novel ini menggambarkan kisah tentang seorang pemuda yang terlibat dalam sebuah konflik politik di antara dua kelompok yang berbeda.

Alias Ali menulis novel ini untuk memberikan gambaran tentang situasi politik di Malaysia pada masa itu. Novel ini menggambarkan kisah tentang seorang pemuda yang terlibat dalam sebuah konflik politik di antara dua kelompok yang berbeda. Novel ini menggambarkan kisah tentang seorang pemuda yang terlibat dalam sebuah konflik politik di antara dua kelompok yang berbeda.

Bashah bin Mahmud

**STUDI PENGETAHUAN
KONSEP DAN KONSEP
DILAKUKAN PADA**

... yang dibentuk oleh seorang penulis yang bernama ...

Kursus HLP: 338

Latihan Akademik

... yang dibentuk oleh seorang penulis yang bernama ...
... yang dibentuk oleh seorang penulis yang bernama ...
... yang dibentuk oleh seorang penulis yang bernama ...
... yang dibentuk oleh seorang penulis yang bernama ...

Disertasi Untuk Memenuhi Keperluan

Ijazah Sarjana Muda Sastra

Di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

1976/1977

Synopsis

Alias Ali besides writing short stories also writes novels. In this dissertation I have chosen his second novel KRISIS called "KRISIS by Alias Ali: an analysis."

Alias Ali used the incidents during the elections of 1955 and 1959 in his hometown of Kuala Brang, Trengganu as a background for his KRISIS. The novel though in the form of a 'reportage' was turned into a novel by Alias through his abilities in creative writing. By using reality as its foundation Alias in such a way turned it into a fictitious work.

This dissertation is divided into five chapters. Chapter One introduces in general the sociological background of Malaya, starting from the early 1920s. In this sociological background new elements towards the progress of Malay Society, beginning from the religious reformers are discussed. These events later brought about the development of political parties and elections till 1959.

Chapter Two emphasises on the development of Malay Novels since the Second World War. Works of writers of the Angkatan 50 (Asas 50) are mentioned. Their contributions in the field of modern Malay Literature in fact inspired

young writers in the early 1960s. This chapter covers the activities of these young writers till late 1960s.

A short biography of Alias Ali is given in Chapter Three. It also mentions all writings in the form of essays, short stories and novels.

Chapter Four is the longest chapter. It deals with the topic of this dissertation - divided into five sub-topics namely (a) the synopsis of the novel
(b) the theme of the novel
(c) the characters in the novel
(d) the plot of the novel
(e) the technique and the style of the language.

This chapter emphasizes the themes and the characters of the novel. It is in the form of an analysis which brought about the crises - hence the Krisis, title of the novel. Krisis is also connected to the topic for character. Here characterization shows its distinct group namely the Parti Srikala group, the Parti Ikhwan group and the Neutral group.

Under the topic for technique and the style of the language, some new elements used by the writer is mentioned.

Finally, Chapter Five deals with the conclusion. In this chapter I make a general comment of the novel. Thus with the above topics the whole structure of the novel is focussed as an attempt to analyse the novel.

	<u>Kandungan</u>	
Synopsis	• • • •	ii
Kandungan	• • • •	iv
Pendahuluan	• • • •	vii

Bab Pertama

1.	Latarbelakang Masyarakat	• •	1
1.1	Pendahuluan	• •	1
1.2	Politik Melayu Sebelum Perang (1920-1941)	• •	1
1.2.1	Penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan PETA	• •	3
1.3	Politik Melayu Masa Pemerintahan Jepun (1942-1945)	• •	4
1.4	Politik Melayu Selepas Peperangan Dunia Kedua (1946-1959)	• •	5
1.4.1	Malayan Union dan Kemunculan UMNO	5	
1.4.2	Suasana Dalam Tahun 1948-1952	• •	9
1.4.3	Pilihanraya Umum Tahun 1955	• •	14
1.4.4	Pilihanraya Umum Tahun 1959	• •	16

Bab Kedua

2.	Perkembangan Novel-Novel Melayu Selepas Peperangan Dunia Kedua di Malaya	• •	20
----	--	-----	----

Bab Ketiga

3.	Riwayat Hidup Pengarang dan Karya	29
----	-----------------------------------	----

3.1	Pendidikan	• • • • •	29
3.2	Pengalaman dan Pekerjaan	• • • • •	30
3.3	Aktiviti Mengarang dan Karya-Karya	•	32
3.3.1	Novel	• • • • •	34
3.3.2	Cerpen	• • • • •	34
3.3.3	Makalah	• • • • •	34
3.4	Rancangan Penulisan Alias Masa Hadapan	• • • • •	35

Pab Keempat

4.	Sinopsis Novel Krisis	• • • • •	37
4.1	Tema Novel Krisis	• • • • •	50
4.1.1	Dari Segi Latarmasa	• • • • •	54
4.1.2	Dari Segi Suasana	• • • • •	58
4.1.3	Dari segi Latarbelakang	• • • • •	61
4.1.4	Analisa Punca-Punca Yang Menyebabkan Krisis	• • • • •	65
4.2	Perwatakan Dalam Novel Krisis	• • •	72
4.2.1	Golongan Parti Srikala	• • • • •	74
4.2.2	Golongan Parti Ikhwan	• • • • •	76
4.2.3	Golongan Yang Berkecuali	• • • • •	80
4.2.4	Syed Kidam dan Jabar: Satu Bandingan	•	83
4.2.5	Bandingen dari segi Latarbelakang Pendidikan dan Sosial	• • • • •	83
4.2.6	Antara Syed Kidam dan Jabar Sebagai Pemimpin	• • • • •	86
4.2.7	Kesimpulan	• • • • •	92

4.3	Plot Novel Krisis	• • • •	94
4.4	Teknik dan Gaya Bahasa dalam Krisis	• • • •	102
4.4.1	Teknik	• • • •	103
4.4.1.1	Teknik Ketegangan	• • • •	103
4.4.1.2	Teknik Monolog Dalam	• • • •	106
4.4.1.3	Teknik Wawancara (Ala Drama)	• • • •	107
4.4.1.4	Teknik Campur tangan dan Komen Pengarang	• • • •	108
4.5	Gaya Bahasa	• • • •	109
4.5.1	Ayat-ayat Yang Pendek dan Segar	• •	109
4.5.2	Dialog-dialog Yang Spontan	• • • •	111
4.5.3	Gaya Bahasa Yang Bercerita	• • • •	113
4.5.4	Gaya Bahasa Yang Lucu	• • • •	116

Bab Kelima

5.	Kesimpulan	• • • •	119
5.1	Aspek Kepimpinan	• • • •	119
5.2	Aspek Kritik Sosial	• • • •	121
5.3	Aspek Ekonomi	• • • •	124
5.4	Satu Penilaian Ke atas Novel Krisis	• • • •	126
5.5	Penutup	• • • •	130
6.	Lampiran	• • • •	133
7.	Bibliografi	• • • •	159

Pendahuluan

Dilihat dari segi perkembangan kesusastraan Melayu dewasa ini adalah tidak lengkap sekiranya nama Alias Ali tidak diketengahkan. Kali pertama Alias muncul dalam arena penulisan ialah dalam awal tahun 1960.¹ Waktu itu Alias lebih terkenal dalam penulisan cerpen. Dengan nama samarannya Andra Darlis dan Mokhtar Zain beliau merupakan seorang cerpenis yang produktif bersama-sama rakan-rakan seangkatannya seperti Shalmon Ahmad, A.Rashid Muhammad, Nora Johor, Rokiah Abu Bakar, Isma Neera, Anis Sabirin, Mokhtar Daud, Kassim Ahmad, Asmaranda, N. Pathy, Malungun, Kala Devata dan beberapa penulis lagi.²

Sebanyak lima belas buah cerpen pilihan Alias yang mengandungi berbagai ragam pertemuan itu kemudiannya dibukukan dengan judul RESAH.³ Syed Husain Ali, penulis kata pengantar antologi itu menyebut tentang kelancaran Alias yang mana menurutnya gaya penulisan jurnalistik yang padat dan terang itu sedikit sebanyaknya telah monolong ke arah itu.

Alias tidaklah puas berpuas hati mengasahkan bakat penulisannya dalam bidang pencerpenan sahaja.

¹ Lih. Usman Awang dan A. Samad Said, Tema dan Tugas Sastra Melayu moden, Penerbitan Federal Perbaduan, Kuala Lumpur, 1965, hal. 145.

² Ibid., hal. 127.

³ Alias Ali, Resah, Penerbitan Toko Buku Abbas Bandung, Melaka, 1965.

Ia telah maju setapak lagi apabila ia menulis novel sulungnya ia itu GERSANG.⁴ Novel ini merupakan suatu eksperimen bagi Alias. Melalui novel ini pengarangnya lebih memusatkan penyorotannya kepada dunia muda-mudi yang menghuni di kota besar seperti Kuala Lumpur itu. Selepas mengarang novel ini kematangan Alias begitu terserlah bila ia melahirkan pula novel keduanya ia itu KRISIS.⁵

KRISIS yang saya pilih ini sebagai suatu kajian merupakan sebuah novel yang begitu menarik untuk diperkatakan. Meskipun ia diterbitkan pada tahun 1966, akan tetapi persoalan yang diketengahkan ialah mengenai Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Trengganu 1959 bagi suatu kawasan. Ini bererti dalam jarak dua tahun selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan begitu penting kepada Alias. Melalui lukisan yang dipaparkan kita diberi perincian yang begitu teliti oleh Alias. Ini tidaklah menghairankan kita memandangkan Alias di samping seorang penulis juga seorang wartawan. Detik-detik pilihanraya bagi kawasan Pekan Bara itu sekurang-kurangnya membantu Alias kepada kelahiran novel ini. Bahagian dalam novel barangkali adalah hasil imaginasi pengarangnya tetapi berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan dapatlah kita membuat kesimpulan yang novel KRISIS ini merupakan suatu

⁴ Alias Ali, Gersang, Penerbitan Federal Berhad, Kuala Lumpur, 1964.

⁵ —————, Krisis, Penerbitan Federal Berhad, Kuala Lumpur, 1966.

dokumentasi mengenai Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Trengganu bagi tahun 1959 itu.⁶

Jika ditinjau pertumbuhan novel-novel Melayu selain daripada Ishak Haji Muhammad yang Menghasilkan PUTRA GUNUNG TAHAN (1938) dan ANAK MAT LELA GILA (1941) yang mana pertamaannya adalah mengenai politik, tidak ada pengarang yang seberani Alias mengemukakan persoalan-persoalan politik tanah air secara terus terang. Pada tahun 1963 Hassan Ibrahim telah menghasilkan sebuah karya politik bercorak satira dengan judulnya TIKUS RAHMAT. Sebagai sebuah karya sastra bercorak satira ia berkehendakkan suatu interpretasi dan analisa yang kritis bagi memahaminya. Seorang pembaca yang tidak kuat imaginasinya tentulah sukar mengikuti novel itu. KRISIS oleh Alias Ali tidaklah demikian.

Sebagai sebuah karya kreatif Alias telah menggunakan segala bakat yang ada padanya bagi menghidupkan novel ini. Biasanya sebuah novel yang berlatarbelakangkan politik tidak begitu memikat pembaca-pembaca. Akan tetapi Alias telah memberi jiwa kepada novelnya dengan memasukkan juga unsur-unsur kelucuan.⁷

⁶ Dalam novel KRISIS dikemukakan dua buah parti politik yang turut bertanding di kawasan Pekan Bara ia itu Parti Srikala dan Parti Ikhwan. Pada hakikatnya Parti Srikala itu adalah Parti Perikatan dan Parti Ikhwan itu ialah PAS (Parti Islam Satuan Melayu). Pada ms.286 pengarang memberitahu kita Parti Ikhwan menang dan seterusnya menguasai Dewan Undangan Negeri Trengganu. Mengikut keputusan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Trengganu 1959 PAS menang 15 kerusi daripada 24 kerusi yang dipertandingkan.

⁷ Lih. keterangan pada kulit belakang novel KRISIS.

Secara tidak disedari kita sebenarnya dibawa oleh pengarang kepada hal-hal yang serius, ia itu mengenai pergolakan politik.

Ada sebabnya mengapa Alias memberi judul KRISIS kepada novelnya ini. Bagi masyarakat Melayu terutama sebelum adanya pemungutan suara melalui pilihanraya jarang sekali terdapat pertelingkahan, perselisihan pendapat ataupun salah faham yang boleh mendatangkan sesuatu ketegangan. Di sini pengarang ingin mengemukakan kepada kita baik dan buruknya sistem demokrasi yang berdasarkan pilihanraya itu.

Rakyat sebenarnya diajak membicarakan politik. Politik dalam kehidupan moden adalah suatu realiti yang sama sekali tidak dapat dipisahkan. Alias sebenarnya mengajak rakyat bersikap kritis semasa membuat pemilihan dalam pilihanraya. Bagi orang-orang luar bandar nasib masa hadapan yang amat cerah dan gemilang adalah terletak kepada pemimpin-pemimpin yang dipilih. Segala-galanya adalah terletak kepada bahu wakil rakyat yang terpilih. Nikmat pembangunan tidak akan dirasai rakyat andainya wakil rakyat tadi tidak memberikan perhatian kepada kawasan pilihanrayanya.

Krisis juga mudah tercetus akibat pilihanraya itu. Bagi rakyat kampung sesuatu yang dipegang atau yang dipercayai itu tidak mudah diketepikan begitu sahaja. Jika ada sesuatu ideologi baru yang dibawa oleh sebuah parti ini juga tidak mudah diterimanya. Mereka acapkali begitu setia dan akan memberi taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap

yang lama. Disebabkan itulah timbulnya perbezaan pendapat dan seterusnya lahirlah krisis dalam kawasan Pekan Bara.

Alias juga ingin mengemukakan tentang orang-orang yang mengaku dan mendabik dada bahawa mereka adalah pemimpin. Akan tetapi erti kepimpinan yang seharusnya dimiliki tidak ada. Bila sahaja seorang tokoh itu tidak lagi popular jalan yang mudah bagi mengekalkan kedudukannya ialah melalui pecat memecat terhadap sesiapa yang cuba mencabarinya. Inilah suatu gejala buruk yang boleh melumpuhkan organisasi sesebuah parti politik dan seterusnya menimbulkan krisis.

Sesungguhnya krisis yang ingin dikemukakan Alias bukan sahaja krisis akibat daripada rebutan kuasa tetapi krisis melalui novel KRISIS adalah yang berpunca dari berbagai punca. Inilah yang ingin didedahkan oleh pengarang. Di sinilah terletaknya keistimewaan novel ini sebagai bahan renungan dan sebagai sebuah karya fiksyen dalam kesusastraan kita.

Dalam penyusunan kajian kecil ini penulis ingin merakamkan perasaan terima kasih penulis terhadap Incik Shahnon Ahmad yang telah banyak menghabiskan masa membimbing serta memberi tunjuk ajar untuk penulisan ini. Atas segala nasihat dan petunjuk beliau penulis sungguh terhutang budi yang amat sangat. Penulis juga tidak lupa mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pensyarah-pensyarah kesusastraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan kerana tanpa mereka tidak mungkin penulis mampu menuliskan

kajian kecil ini. Kepada Incik Baharuddin Zainal dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah membenarkan penulis menggunakan dokumentasi-dokumentasi sastra di bahagian perkembangan sastra juga tidak ketinggalan diucapkan terima kasih. Akhir sekali penulis juga ingin mengucapkan terima kasih khasnya kepada Incik Alias Ali yang telah memberi kerjasama untuk menjawab soalan-soalan serta memberi penjelasan mengenai novel yang dikaji ini.